



Worldwide Partner

## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### BANK ISLAM DAN VISA LANCAR KAD KREDIT-i EDISI TERHAD BERTEMAKAN FIFA

Menangi pengembaraan untuk menyaksikan Piala Dunia Qatar 2022™ secara langsung, ditaja Visa

**KUALA LUMPUR, Rabu, [15 Jun 2022]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) dengan kerjasama Visa yang merupakan Rakan Global FIFA, meraikan acara sukan terbesar dunia dengan menawarkan 10,000 Kad Kredit-i Edisi Terhad Bank Islam Visa Bertemakan FIFA kepada pelanggan baharu dan sedia ada.

Bersempena pelancarannya, Bank Islam menganjurkan satu kempen istimewa untuk pemegang Kad Kredit-i Edisi Terhad Bank Islam Visa Bertemakan FIFA ini. Melalui kempen ini, pemegang kad berpeluang memenangi pengalaman seumur hidup untuk terbang ke Qatar dan menyaksikan perlawanan Piala Dunia™ FIFA secara langsung, ditaja oleh Visa. Hadiah yang disediakan termasuk tiket perlawanan dan penerbangan pergi-balik untuk dua orang, penginapan dan wang tunai bernilai RM10,000.

Di samping itu, pemegang Kad Kredit-i Edisi Terhad Bank Islam Visa Bertemakan FIFA turut berpeluang memenangi hadiah sagu hati bulanan berupa barang edisi terhad FIFA 2022, menikmati pulangan tunai atau baucar barang sukan. Kempen ini berlangsung mulai 15 Jun sehingga 30 September 2022.

Pelanggan layak untuk menyertai kempen ini dengan memohon dan mengaktifkan kad edisi terhad ini atau mengumpul kelayakan penyertaan dengan berbelanja pada nilai minimum RM200 dalam satu resit menggunakan kad ini sepanjang tempoh kempen.

Mizan Masram, Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan (Runcit) Bank Islam, berkata, "Kami amat berbesar hati bekerjasama dengan Visa menerusi penawaran Kad Kredit-i Edisi Terhad Visa Bertemakan FIFA ini ketika kita semakin menghampiri pengajuran Piala Dunia FIFA Qatar 2022™ yang dijadualkan berlangsung tahun ini. Dengan reka bentuk menarik yang menampilkan trofi Piala Dunia FIFA™ pada bahagian latar kad, peminat

bola sepak akan memperingati acara berprestij itu dan seterusnya memeriahkan lagi penganjuran Piala Dunia FIFA Qatar 2022™. Bank Islam berbangga menjadi sebahagian daripada acara terkemuka dunia dan menawarkan pengalaman sekali seumur hidup kepada pelanggan kami melalui kad baharu ini".

Beliau menambah, "Kad Kredit-i Edisi Terhad Bank Islam Visa Bertemakan FIFA ini adalah satu kad gaya hidup yang menawarkan pelbagai manfaat yang direka khusus untuk pemegang kad, daripada kegunaan untuk membeli-belah kepada melancong, menikmati juadah yang menyelerakan mahupun hiburan. Ia seterusnya menawarkan pemegang kad pengalaman perbankan yang unik dan berharga. Dibangunkan dengan mengambil kira keperluan dan kehendak peminat sukan bola sepak, terutamanya golongan muda dan baru bekerja, Bank Islam menyasarkan perolehan 10,000 pemegang kad baharu Kad Kredit-i Edisi Terhad Visa Bertemakan FIFA."

"Sebagai Rakan Perkhidmatan Pembayaran Rasmi Piala Dunia FIFA Qatar 2022™, kami gembira untuk bekerjasama dengan Bank Islam dalam memperkenalkan kad kredit khas bertemakan FIFA ini. Menerusi kad ini, kami berupaya menyediakan ganjaran kepada ahli kad menerusi pengalaman yang menakjubkan dengan menyaksikan acara sukan global. Kami berharap rakyat Malaysia akan memanfaatkan pengalaman yang ditawarkan dengan memohon kad ini dan merebut peluang untuk memenangi tiket menonton perlawanan Piala Dunia secara langsung di Qatar serta barangang eksklusif FIFA yang menarik," kata Ng Kong Boon, Pengurus Negara Visa Malaysia.

Di samping berpeluang memenangi pengembaraan menakjubkan di Qatar, manfaat lain Kad Kredit-i Visa Bertemakan FIFA termasuk perlindungan takaful percuma bagi baki kad dan ganjaran TruPoints bagi setiap RM1 yang dibelanjakan menggunakan kad ini. Pemegang kad dengan 12 transaksi minimum setiap tahun turut layak untuk menikmati pengecualian fi tahunan.

Permohonan bagi Kad Kredit-i Visa Bertemakan FIFA ini boleh dibuat di cawangan Bank Islam yang berhampiran.



### Ilustrasi 1.0: Kad Kredit-i Edisi Terhad Bank Islam Visa Bertemakan FIFA

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Kad Kredit-i Edisi Terhad Bank Islam Visa Bertemakan FIFA, pelanggan boleh mengunjungi laman web [www.bankislam.com/qatar/](http://www.bankislam.com/qatar/)

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila emel ke Hubungan Media Kumpulan BIMB di:**  
[MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my](mailto:MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my)